

# 6,310 hamil hingga Jun

# Enggan lahir anak luar nikah

Metro 4/1/12 MS 8.

**K**UALA LUMPUR: Peringatan kepada ibu bapa yang mempunyai anak gadis. Rekod Kementerian Kesihatan (KKM) dalam tempoh 18 bulan dari Januari tahun lalu hingga Jun lalu mendapati, seramai 6,310 remaja perempuan yang hamil dan berdaftar di hospital atau klinik kerajaan tidak berkahwin, termasuk pelajar sekolah.

“Tahun lalu, 18,652 remaja hamil mendapatkan perkhidmatan di fasiliti kesihatan kerajaan dengan 4,222 atau 23 peratus daripada jumlah itu tidak berkahwin,” katanya kepada Metro Ahad.

Jumlah itu tidak termasuk remaja menggugurkan kandungan secara haram di klinik swasta seluruh negara.

Beliau berkata, remaja atau pelajar sekolah yang mengandung boleh mendapat perkhidmatan kesihatan di mana-mana klinik kesihatan atau hospital secara percuma.

Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga KKM, Dr Safurah Jaafar berkata, seramai 9,082 remaja hamil berusia 10 hingga 19 tahun berdaftar di hospital atau klinik kerajaan, dengan purata 1,500 kes sebulan dari Januari hingga Jun tahun ini.

“KKM tidak akan menamatkan hukuman terhadap mana-mana pelajar sekolah, remaja yang mengandung atau menggugurkan anak. Ini di luar bidang kuasa KKM.

“Daripada jumlah itu, 2,088 (23 peratus) tidak berkahwin. Tujuh kes kematian remaja hamil dilaporkan dan empat daripadanya tidak berkahwin. Ini menunjukkan risiko kematian di kalangan remaja hamil, khususnya tidak berkahwin, tinggi iaitu 57 peratus.

“Namun, pihak berkuasa boleh mengambil tindakan mengikut Akta Kanak-kanak 2001,” katanya.

Safurah berkata, masalah pengguguran bayi di kalangan pelajar memerlukan pendekatan menyeluruh semua agensi.

“Di samping KKM, ia memerlukan gabungan kerjasama Kementerian Pelajaran, Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat (KPWKM), jabatan perundangan, jabatan agama dan masyarakat,” katanya.

## Kronologi gugur janin

● 29 Oktober 2012: Janin berusia enam bulan, dipercayai digugurkan, ditemui di tengah jalan berhampiran Apartmen Pudu Impian, Kuala Lumpur.

● 5 April 2012: Sebuah klinik swasta di Ipoh, Perak menawarkan khidmat

dalam tandas rumahnya dengan amal memakan sulur sirih.

● 15 Mac 2009: Remaja berusia 17 tahun menggugurkan kandungan secara sendiri sehingga menyebabkan bayi dikandung meninggal dunia.



**MUDAH...** Liza sudah tiga kali menjalani proses pengguguran janin.

**K**UALA LUMPUR: Liza, 27, melakukan pengguguran janin buat kali pertama pada usia 20 tahun ketika masih menuntut di institusi pengajian tinggi awam di Selangor.

bantu rakan dari luar Kuala Lumpur yang ingin menggugurkan kandungannya berikutan bukan semua tempat atau klinik yang boleh mahu mempraktikkan prosedur pengguguran jika tidak ditemani oleh keluarga atau tanpa alasan munasabah,” katanya.

Begitupun, perbuatan wanita ini tidak berhenti setakat itu, sebaliknya dia melakukan tiga pengguguran janin sejak 2005.

Menurut Liza, kali pertama melakukan proses pengguguran, dia ditemani seorang kenalan teman lelaki yang pernah membuat prosedur itu di klinik sama.

Ketiga-tiga pengguguran itu dilakukan Liza kononnya bagi mengelak melahirkan anak luar nikah hasil hubungan terlarang bersama bekas teman lelaki.

“Mulanya saya bimbang dimarahi jururawat dan doktor, tapi saya lihat mereka sekadar bersahaja dan paling penting, saya perlu sediakan wang dikehendaki.

“Jika hendak dikenang semula, saya memang menyesal. Namun, apa yang saya boleh lakukan sebab bayi itu akan dilahirkan sebagai anak luar nikah.

“Saya dikehendaki membayar RM1,200 untuk pengguguran itu dan segala kos ditanggung teman lelaki. Saya melakukan pengguguran seterusnya bersama teman lelaki lain,” katanya.

“Keluarga pasti marahkan saya. Saya takut ketika itu dan tiada pilihan lain melainkan melakukan pengguguran,” katanya.

Liza mengakui dia kini bimbang dengan kesan sampingan yang akan menimpa dirinya selepas melakukan pengguguran itu, namun segala-galanya sudah terlambat.

Liza yang juga eksekutif di sebuah syarikat berkata, berdasarkan pengalamannya, proses pengguguran janin sangat mudah dilakukan, terutama di klinik sakit puan sekitar ibu kota.

“Ada yang mengatakan saya akan menghadapi kesakitan pada saluran peranakan

“Cuma bezanya, dulu bayaran hanya sekitar RM1,200 tapi sekarang bertambah ma-

hal hingga boleh mencecah RM2,000 lebih mengikut saiz kandungan.

“Saya pernah juga mem-

kan, sekali gus boleh mengakibatkan kemandulan. Kesannya mungkin tidak saya nampak ketika ini.

“Saya bimbang jika berkahwin dan melahirkan anak, saya mungkin akan bermasalah. Itupun jika saya

masih boleh mengandung. Saya sungguh menyesal dengan apa yang saya lakukan,” katanya.

## Bayi sudah mati jadi alasan

**KUALA LUMPUR:** “Pengguguran bayi di Malaysia berada pada tahap tidak terkawal,” kata Perunding Obstetrik, Ginekologi dan Sakit Puan Hospital Columbia Asia, Dr Suhaimi Hassan.

Menurutnya, undang-undang di negara ini tidak pernah membenarkan pengguguran janin, namun ia tidak mampu dikawal disebabkan kebanyakan klinik memberi alasan bayi sudah mati dalam perut.

“Apabila pihak bertanggungjawab melakukan pe-

meriksaan, mereka memberi alasan berkenaan, sebab itu sukar dikenakan hukuman.

“Selain itu, tiada laporan mengenai kes pengguguran bayi, menyebabkan ia sukar dikawal, seterusnya berleluasa hingga kini,” katanya.

Suhaimi berkata, melalui prosedur biasa di kebanyakan klinik, wanita berusia bawah 18 tahun dikehendaki mendapat kebenaran ibu bapa terlebih dulu sebelum melakukan pengguguran.

“Jika tiada kebenaran ibu

bapa, pihak klinik tidak boleh melakukan pengguguran kerana melanggar peraturan. Namun, sesetengah klinik tidak hirau mengenai kebenaran itu dan terus melakukan pengguguran, asal saja akibatnya ditanggung sendiri.

“Pelajar juga diberi pilihan sama ada melakukan pengguguran melalui ubat jenis makan atau ‘suppository’ iaitu memasukkannya ke dalam vagina,” katanya.

Sehari sebelum melakukan pengguguran, wanita

dikehendaki berpuasa selain perlu berdepan risiko jika berlaku pendarahan yang banyak ketika proses penyucian.

“Di hospital, biasanya mereka dibius sepenuhnya dan berada dalam keadaan tidak sedar ketika proses penyucian, manakala di klinik pula hanya dibius dalam keadaan separuh sedar.

“Perlu diingat, wanita yang melakukan pengguguran berdepan risiko maut ketika mencuci rahim disebabkan boleh berlaku kekurangan darah,” katanya.

pengguguran janin dengan harga minimum RM750.

● 10 Mac 2011: Seorang janda berusia 32 tahun membuat pengakuan pernah menggugurkan janin sebanyak tujuh kali dalam tempoh empat tahun.

● 7 Januari 2011: Janin dipercayai berusia lima bulan ditemui selepas ditanam pasangan terlanjur di kawasan lapang di Pusat Komersial Salut, Kota Kinabalu, Sabah.

● 27 Disember 2010: Sebuah klinik swasta di Kuala Lumpur dimiliki doktor berusia 50-an disiasat pegawai Kementerian Kesihatan selepas disyaki menjalankan kegiatan menggugurkan janin kepada gadis terlanjur dengan bayaran RM2,000.

● 19 Jun 2010: Remaja berusia 19 tahun menggugurkan kandungan berusia dua minggu di

● 13 Disember 1997: Tiga klinik swasta di Kota Bharu, Kelantan dipercayai menjalankan kegiatan pengguguran bayi secara haram bagi wanita berusia antara 18 hingga 30 tahun dengan bayaran RM250 hingga RM350.

● 26 Mac 1997: Sebuah klinik swasta di Kluang, Johor dipercayai menjadi tumpuan gadis terlanjur, terutama remaja Melayu, untuk menggugurkan kandungan dengan bayaran minimum RM2,000 berdasarkan saiz kandungan.

● 26 Julai 1994: Pil makjun berwarna kehitaman diperoleh daripada bidan kampung menjadi pilihan gadis dan pasangan bermasalah untuk menggugurkan kandungan di Felda Jengka, Pahang, dengan harga RM2 sepeket mengandungi tujuh hingga lapan biji pil.